

Peranan Mediator Faktor Kewangan Terhadap Penentu Pembayaran Sewaan Premis Komersial Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

The Role of The Financial Factor As The Mediator on The Determinant of Wakaf Commercial Premise Rental Payment Under Penang State Islamic Council

MOHAMMAD SYUKRI JALIL, Universiti Teknologi MARA
MOHD SABRI ABD. GHAFAR, Universiti Teknologi MARA
AZARUDIN AWANG, Universiti Teknologi MARA

Received: July 28, 2020 Accepted: November 9, 2020 Online Published: December 15, 2020

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Faktor kewangan merupakan elemen penting sebagai penentu kepada pembayaran sewaan terutamanya melibatkan perolehan hasil sewaan di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Hal ini disebabkan, hasil perolehan wakaf masih kurang memuaskan hampir setiap tahun berbanding anggaran hasil perolehan sewaan wakaf yang sepatutnya diperolehi oleh MAINPP. Oleh itu, kertas kerja ini akan menggunakan faktor kewangan sebagai mediator bagi mengukur hubungan terhadap faktor pembayaran sewaan. Persoalannya, bagaimanakah peranan mediator faktor kewangan mempengaruhi faktor pembayaran sewaan premis komersial wakaf? Disebabkan itu, mediator faktor kewangan akan dijadikan alat bagi mengukur faktor pembayaran sewaan dalam kalangan penyewa premis komersial wakaf di MAINPP. Mediator faktor kewangan akan menguji tujuh faktor pembayaran iaitu kesedaran, kepatuhan agama, keutamaan, kepenggunaan, pergantungan, hutang dan pengurusan. Justeru, reka bentuk kerja ini berbentuk statistik inferens dengan menggunakan kaedah borang soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data. Sebanyak 40 borang soal selidik dianalisis yang melibatkan penyewa premis komersial wakaf. Analisis data menggunakan perisian SPSS versi 22 dan Smart-PLS versi 3.2.7. Hasil dapatan menunjukkan peranan mediator faktor kewangan memberi kesan yang sederhana terhadap penentu pembayaran sewaan berdasarkan ujian q^2 . Kesan mediator faktor kewangan juga menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap faktor kesedaran dan kepenggunaan secara hubungan tidak langsung apabila nilai koefisien teranggar terhadap faktor kesedaran dan kepenggunaan menunjukkan kesan positif.

Kata kunci: Mediator, sewaan, kewangan, kesedaran dan kepenggunaan.

ABSTRACT

Financial factor is an important element as the rental payment especially involving rental endowment at the Penang Islamic Council, or Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). This is due to the fact that, the wakaf endowment is still less than satisfactory almost every year compared to the estimated wakaf rental endowment that should have been collected by MAINPP. Thus, this paper work will use the financial factor as the mediator to measure the relationship on the rental payment factor. The question is, how does the role of the mediator which is financial factor, influence the rental payment of wakaf commercial premises? Due to this mediator, it will serve as a tool to measure the rental payment factor among the wakaf commercial premise tenants in MAINPP. The financial factor will test seven factors of payment namely awareness, religious compliance, priority, consumerism, dependency, debt and management. Thus, the design of this work is in the form of inferential statistics using the questionnaire form as the data collection method. 40 questionnaire forms are analysed involving the tenants of the wakaf commercial premises. Data analysis uses the SPSS software version 22 and Smart-PLS version 3.2.7. The finding shows that the role of the mediator, financial factor gives a moderate effect to the determinant of rental payment based on the q^2 test. The effect of the mediator of the financial factor also shows a significant relationship to the factors of awareness and consumerism in an indirect relationship when the estimated coefficient value on the awareness and consumerism shows a positive effect.

Keywords: Mediator, rental, financial, awareness and consumerism.

PENDAHULUAN

Pembayaran merupakan elemen penting dalam menentukan hasil bagi transaksi terutamanya melibatkan kontrak sewaan (Faizah Ismail, 1995:56; Mohd Fahmi Khan, 2000; Cheah, Ng, Teoh, Kenny & Lee, 2015; Norliza Md Nuruddin, Hairunnizam Wahid & Aisyah Abdul Rahman, 2019). Hal ini, tidak terkecuali apabila melibatkan sewaan premis komersial seperti sewaan premis komersial wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). MAINPP merupakan Institusi Islam yang menguruskan sewaan premis komersial wakaf terbanyak berbanding Majlis Agama Islam Negeri-negeri lain (Laporan Ketua Audit Negara, 2014). Berdasarkan statistik kutipan perolehan sewaan premis komersial wakaf MAINPP daripada tahun 2010 hingga 2016 mencatatkan jumlah perolehan sebanyak RM11.60 Juta berbanding anggaran perolehan bagi tempoh yang sama iaitu RM15.03 Juta (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, 2017). Hal ini menunjukkan bahawa wujud tunggakan pembayaran sewaan sebanyak RM3.43 Juta bermula tahun 2010 hingga 2016. Oleh itu, bagi memastikan perolehan sewaan premis komersial wakaf sentiasa meningkat, isu berkaitan pembayaran tidak mengikut jadual, tunggakan yang tinggi dan peruntukan hutang lapuk perlu diselesaikan dalam kalangan penyewa. Hal ini, bagi mengenal pasti kaedah terbaik untuk memastikan penyewa menjelaskan pembayaran sewaan pada tempoh masa yang ditetapkan, antaranya melalui faktor pembayaran sewaan dalam kalangan penyewa yang membayar pada tempoh masa yang ditetapkan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini akan melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran sewaan. Terdapat banyak faktor penting dalam mempengaruhi gelagat penyewa untuk menjelaskan sewaan pada tempoh masa yang ditetapkan. Oleh itu, latar belakang kajian ini akan membincangkan berkaitan objektif kajian, kepentingan kajian dan sumbangan kajian. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pembayaran sewaan premis komersial wakaf MAINPP selain menganalisis faktor yang mempengaruhi pembayaran sewaan.

Kepatuhan dalam menjelaskan sewaan adalah penting bagi pemilik sewaan. Hal ini dapat membantu perolehan pemilik sewaan serta dapat merancang penggunaan hasil sewaan dengan baik. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi seseorang untuk menjelaskan sewaan kesedaran, kepenggunaan, kewangan dan keutamaan pembayaran (Sillari, 2006; Gomes, 2007; Urdang, 2010; Robbins & Judge, 2013). Oleh itu, kemampuan penyewa sama ada mahu menjelaskan pembayaran pada tempoh masa yang ditetapkan atau sebaliknya turut bergantung kepada status kewangan individu tersebut (Moss, 2003; Breidert, Hahsler & Reutterer, 2006; Samsudin Jadin, 2008; Charon Wardini Mokhzani, 2016). Selain itu, faktor pergantungan juga mempengaruhi seseorang untuk menjelaskan pembayaran sewaan (Nor Aini Salleh, 2011; Buerah Tunggak dan Hussin Salamon, 2014).

Faktor hutang adalah salah satu faktor yang mempengaruhi trend pembayaran sewaan, semakin terbeban pembayaran hutang pengguna, semakin tinggi risiko berlakunya tunggakan pembayaran (Abdul Muhmin Alhassan, 2010; Timmi, 2013; Samsiah Mohamad, 2014). Faktor kepenggunaan juga mempengaruhi status pembayaran penyewa (Shofian Ahmad, 2001; Minton, 2015; Ertz, 2016) selain faktor pengurusan (Nor Aini Salleh, 2011; Rohaya Ghani, Mastura Jaffar & Mohd Yahaya Mohd Daud; 2014; Wan Zairi Wan Abdul Manaff & Suhana Safari, 2017). Walau bagaimanapun faktor keutamaan juga berkait dengan trend pembayaran sewaan dalam kalangan penyewa (Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, Sanep Ahmad et. all, 2015; Charon Wardina Mokhzani, 2016), manakala faktor kesedaran juga diletakkan salah satu faktor seseorang menjelaskan pembayara sewaan atau tidak (Nor Aini Salleh, 2011; Nor Aishah Ismail, 2015; Moris, 2011; Markovitch, Netzer & Tamir, 2017). Selain itu wujud juga faktor kepatuhan agama dalam menjelaskan pembayaran (Adibah Abdul Wahab & Joni Tamkin Borhan, 2014; Mohd Ali Mohd Nor, Hairunnizam Wahid & Nor Ghani Md Nor, 2004; Mokhlis, 2009). Secara umumnya terdapat lapan faktor yang mempengaruhi pembayaran sewaan iaitu tersebut, faktor kewangan, kepenggunaan, pergantungan, hutang, pengurusan, keutamaan, kesedaran dan kepatuhan agama. Walau bagaimanapun faktor kewangan akan diuji sebagai mediator untuk melihat kesan mediator terhadap faktor-faktor lain pembayaran sewaan.

Oleh itu, kepentingan kajian dalam kertas kerja ini lebih memfokuskan kepada faktor-faktor penting dalam pembayaran sewaan yang akan membantu pihak institusi terutamanya MAINPP bagi menyelesaikan masalah tunggakan pembayaran sewaan. Selain itu, hasil kajian ini dapat membantu institusi lain dalam menguruskan penyewa-penyewa yang mempunyai masalah dalam menyelesaikan sewaan. Sumbangan kajian dalam kertas kerja ini boleh dibahagikan kepada dua, iaitu sumbangan dalam bentuk teoretikal dan praktikal. Sumbangan dari sudut teoretikal merujuk kepada analisis data dengan menggunakan pemodelan persamaan berstruktur (SEM) iaitu data diuji dengan menggunakan dua kaedah itu pertama kaedah secara langsung dan yang kedua kaedah secara tidak langsung. Di akhir ujian, model pembayaran sewaan dapat dibentuk hasil daripada ujian yang telah dilakukan. Selain itu, sumbangan kajian dari sudut praktikal dalam kertas kerja ini lebih kepada membantu pihak-pihak pemegang taruh seperti agensi kerajaan terutamanya MAINPP dan MAIN dalam berperanan membuat keputusan bagi mencari kaedah terbaik dalam meningkatkan hasil perolehan sewaan dan seterusnya dapat membantu dalam perancangan pengurusan MAINPP yang lebih lancar. Perbincangan kertas kerja ini meliputi sorotan karya, metodologi kajian, prosedur kajian, pembinaan soal selidik, analisis data dan kesimpulan.

SOROTAN KARYA

Pembayaran merupakan kaedah dalam kontrak urus niaga iaitu transaksi antara dua pihak dengan melibatkan pertukaran manfaat yang dibayar (Faizah Ismail, 1995:56; Lapidés, 1992). Pembayaran tersebut dipengaruhi oleh faktor-faktor sama ada melibatkan faktor dalaman atau faktor luaran yang merangsang seseorang menjelaskan pembayaran (Alexander & Joanna, 2015; Robbins & Judge, 2013; Mohd Ali Muhamad Don, 2019). Terdapat lapan faktor yang mempengaruhi pembayaran sewaan berdasarkan kajian lepas. Faktor pertama ialah kewangan yang merupakan pengaruh terpenting terhadap pembayaran sewaan. Hal ini disebabkan faktor keutamaan pembayaran yang berkait rapat dengan pendapatan dan berbelanja, sejauh mana kemampuan pengguna menjelaskan pembayaran berdasarkan kemampuan kewangan (Ding & Abdulai, 2018; Zhang & Qian, 2018; Juita Elena, O'Connell et. al, 2018). Pengaruh faktor keutamaan pembayaran adalah tinggi terutamanya melibatkan kecenderungan pembayaran. Kesan kepada pengaruh kewangan akan memberi impak kepada faktor pembayaran lain (Abdul Muhmin Alhassan, 2010; Timmi, 2013; Nurishahirah Azman, Roza Hazli Zakaria & Sabitha Marican, 2013). Kurangnya literasi kewangan menyebabkan pengguna cenderung untuk mendapatkan wang bagi memenuhi perbelanjaan pengguna, kesan daripada amalan tersebut, pengguna berbelanja melebihi pendapatan. Kajian yang dilakukan oleh Paul dan Boden (2011); Holl, Dries dan Wolf (2016) dalam kalangan usahawan di Eropah mendapati tabiat berbelanja tanpa melihat kepada kedudukan kewangan akan menjerat pengguna untuk menjelaskan pembayaran. Oleh itu, tahap literasi kewangan memberi impak positif kepada pengurusan perbelanjaan khususnya melibatkan pembayaran sewaan.

Selain faktor kewangan, faktor kesedaran juga mempengaruhi pembayaran sewaan pada tempoh masa yang ditetapkan (Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak et. al, 2019). Kajian oleh Azlinor Sufian (2012); Rohaya Ghani, Mastura Jaffar dan Mohd Yahaya Mohd Daud (2014) mendapati kesedaran penyewa menyimpan wang untuk tujuan pembayaran sewaan mempengaruhi trend pembayaran sewaan pada tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, faktor kadar sewaan yang berpatutan dan sesuai dengan kemampuan pihak penyewa menyumbang kepada penjelasan pembayaran sewaan pada tempoh masa yang ditetapkan (Cheah, Ng, Teoh, Kenny & Lee, 2015; Sanderson & Edwards, 2016; Wan Zairi Wan Abdul Manaff & Suhana Safari, 2017; Mohd Ali Muhammad Don, 2019). Faktor lain yang mempengaruhi pembayaran sewaan ialah kesedaran. Menurut Icek (2005) kesedaran merupakan kefahaman dalam diri individu yang menghasilkan tingkah laku yang positif.

Faktor kepenggunaan juga merupakan elemen penting dalam pembayaran sewaan kajian oleh Jamal Othman dan NurulFaradilla Omar (2012); Nur Aisyatul Alidaniah, Sanep Ahmad et. al (2015); Waqar Ahamed, Arsalan Najmi et. al (2018) mendapati kesan terhadap perbelanjaan yang tidak terancang akan mempengaruhi tahap kepatuhan pembayaran sewaan. Begitu sebaliknya sekiranya tahap kesedaran kepenggunaan tinggi dalam kalangan penyewa, ia akan mempengaruhi pembayaran sewaan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh pihak pemilik sewa. Walau bagaimanapun tahap kepenggunaan yang tidak terkawal akan mewujudkan sikap berhutang dalam kalangan pengguna. Tahap pembayaran sewaan juga diukur berdasarkan kepada tahap hutang dalam kalangan penyewa kajian oleh Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, Sanip Ahmad et. al (2015) dan Holl, Dries dan Wolf (2016) mendapati kesukaran pengguna untuk menjelaskan pembayaran bergantung kepada tahap hutang isi rumah yang melebihi pendapatan. Walau bagaimanapun, jumlah hutang yang sederhana membantu penyewa menjelaskan pembayaran sewaan pada tempoh masa yang ditetapkan (Buerah Tunggak & Hussin Salamon, 2014)

Selain itu, faktor pergantungan juga merupakan elemen penting dalam pembayaran sewaan. Hal ini dibuktikan kajian oleh Nor Aini Salleh (2011); Wan Zairi Wan Abd Manaff dan Suhana Safari (2017); Mohd Faisal Ibrahim dan Mohd Nasir Ali (2019) yang mendapati faktor pergantungan pihak penyewa terhadap pemilik penyewa seperti sikap timbang rasa membantu mewujudkan kefahaman bersama dalam proses pembayaran sewaan. Pihak penyewa akan cuba menyelesaikan masalah sewaan terutamanya tunggakan bagi mengelak berlakunya pengusiran di premis sewaan (Noreina kepal@Nasir, Nur Aniza Quantaniah Mohd Jusoh et. al, 2013). Selain itu, faktor pengurusan yang baik oleh pihak pemilik sewa dapat membantu penyewa menjelaskan pembayaran sewa pada tempoh masa yang ditetapkan seperti penyelenggaraan premis sewaan yang mengikut jadual serta isu-isu penyewa yang dapat diselesaikan dengan sempurna (Rohaya Ghani, Mustura Jaffar dan Mohd Yahaya Mohd Daud, 2014; Wan Zairi Wan Abdul Manaff dan Suhana Safari, 2017).

Walaupun bagaimanapun wujud pengaruh kepatuhan agama dalam pembayaran (Minton, Juan et. al. 2016). Hal ini dipengaruhi oleh tahap kekuatan spiritual individu dan penghayatan agama yang melibatkan perkara wajib dalam agama (Adibah Abdul Wahab & Joni Tamkin Borhan, 2014). Faktor kepatuhan agama dalam pembayaran sewaan juga memberi impak tanggungjawab seorang hamba terhadap pencipta agam manusia bersifat qanaah, berakhlak dan tawakal. Kecenderungan penyewa yang mempunyai tahap kepatuhan agama yang tinggi lebih bersifat menjelaskan pembayaran sewaan pada tempoh masa yang ditetapkan (Mokhlis, 2019; Mohd Zain Mubarak, Asyraf Abd Rahman & Mohd Rafi Yaacob, 2015; Nor Aishah Ismail, 2015).

Berdasarkan kepada kajian lepas yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu, di dapati pengaruh faktor kewangan adalah elemen penting bagi seseorang itu menjelaskan pembayaran. Walau bagaimanapun kajian-kajian terdahulu masih kurang menonjolkan peranan mediator faktor kewangan dapat mempengaruhi faktor-faktor pembayaran lain. Hal ini membuktikan masih wujud lompang kajian yang melibatkan pembayaran sewaan terutamanya melibatkan peranan mediator. Oleh itu, kertas kerja ini akan menguji faktor kewangan berdasarkan lompang kajian sebelumnya bagi membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan faktor kewangan terhadap faktor-faktor pembayaran sewaan yang lain. Oleh itu, berdasarkan kajian lepas dan sorotan karya didapati lapan faktor

pembayaran mempengaruhi kecenderungan pembayaran sewaan iaitu faktor kewangan, kepenggunaan, pergantungan, hutang, pengurusan, keutamaan, kesedaran dan kepatuhan agama. Kajian ini akan menggunakan lapan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu faktor kewangan (KW), kesedaran (KSR), kepenggunaan, (KPGN), keutamaan (KTM), pergantungan (PTGN), hutang (HTG), pengurusan (PSN), dan kepatuhan agama (AGM), manakala pemboleh ubah bersandar ialah kecenderungan pembayaran sewaan (KPS).

METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini akan menganalisis peranan mediator faktor kewangan terhadap pembayaran sewaan dengan menggunakan Pemodelan Persamaan Berstruktur (*Structure Equation Modeling*). Oleh itu, kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah pengumpulan data melalui borang soal selidik terhadap 40 orang penyewa Muslim premis komersial wakaf MAINPP. Proses pengedaran borang soal selidik melibatkan 51 orang penyewa premis wakaf yang tidak mempunyai tunggakan sewaan berdasarkan jumlah populasi seramai 215 penyewa aktif yang menyewa di premis komersial wakaf MAINPP. Kaedah tinjauan (*Survey*) digunakan berdasarkan jumlah populasi yang kurang iaitu 215 orang. Menurut Cohen, (1992); O'leary. (2010); Rohana Yusof, (2013) jumlah minimum bagi aras 5 peratus daripada jumlah populasi adalah memadai untuk diuji asalkan nilai data yang diuji memiliki kebolehpercayaan (*reliable*). Selepas edaran soal selidik dilakukan hanya 40 borang soal selidik berjaya dijawab dan dilengkapkan oleh penyewa berbanding 11 borang yang lain tidak dikembalikan dan tidak dijawab dengan sempurna. Kaedah edaran borang soal selidik menggunakan edaran dari premis ke premis sewaan. Borang soal selidik hanya diberikan kepada pemilik yang menyewa premis sewaan tersebut. Kaedah analisis data menggunakan perisian SPSS Versi 22 dan Smart-PLS Versi 3.2.7. Analisis data ini menggunakan dua ujian data iaitu ujian hubungan secara langsung yang melibatkan lapan faktor pembayaran, manakala ujian hubungan secara tidak langsung menggunakan faktor kewangan sebagai mediator. Hal ini bertujuan untuk melihat impak mediator terhadap faktor pembayaran sewaan. Oleh itu, ujian q^2 akan digunakan bagi melihat kesan hubungan tersebut terhadap mediator dan model KPS.

PROSEDUR KAJIAN

Prosedur kajian terhadap 40 borang selidik melibatkan tiga peringkat analisis iaitu peringkat pertama analisis data secara langsung. Kedua, analisis data secara tidak langsung dan yang ketiga analisis impak mediator terhadap faktor pembayaran dengan melihat kepada nilai q^2 . Bagi mengukur impak terhadap nilai q^2 , tiga kesan nilai q^2 akan diambil kira iaitu 0.02 bermaksud lemah, nilai 0.15 adalah sederhana, manakala melebihi 0.35 menunjukkan model tersebut adalah sangat baik (Chin 1998; Hensler, Ring dan Singkovic, 2009). Sebelum ujian q^2 dijalankan terdapat beberapa prosedur perlu dilakukan. Pada peringkat pertama empat prosidur ujian dilakukan iaitu ujian kesahan dan kebolehpercayaan melibatkan nilai *alpha cronbach* pada prosidur pertama, kedua menguji muatan faktor (*Factor loading*) bagi setiap item. Prosidur ketiga ialah ujian (*Kaiser-Meyer-Olkin*) KMO dan ujian *Bartlett's Test of Sphericity* bertujuan untuk menguji sama ada jumlah sampel borang soal selidik dan jumlah pemboleh ubah memenuhi untuk ujian seterusnya. Seterusnya, prosidur keempat ialah ujian *varimax orthogonal rotation* dilakukan bertujuan untuk memastikan jumlah pemboleh ubah bersesuaian dengan ujian seterusnya.

Pada peringkat kedua, ujian yang dilakukan akan terfokus kepada menguji faktor dengan menggunakan hubungan secara langsung dan hubungan secara tidak langsung. Pada peringkat hubungan secara tidak langsung model tersebut akan menggunakan peranan pecelah faktor kewangan sebagai penghubung faktor pembayaran terhadap KPS.

Peringkat ketiga akan melihat impak terhadap model hubungan secara langsung dan hubungan secara tidak langsung, sebelum ujian nilai q dilakukan, dua nilai iaitu nilai f^2 dan nilai R^2 *adjusted* akan dijelaskan bersama bagi mewujudkan kekuatan nilai q^2 bersandarkan kepada dua nilai lain itu nilai f^2 dan nilai R^2 *adjusted* (Hair, Hult et. al 2014).

PEMBINAAN SOAL SELIDIK

Pembinaan soal selidik pembayaran sewaan melibatkan lapan faktor pembayaran iaitu faktor kewangan, hutang, keutamaan, kepenggunaan, pengurusan, pergantungan, kesedaran dan kepatuhan agama dibina berdasarkan kajian terdahulu dan sorotan karya yang berkaitan pembayaran dan sewaan. Jadual 1.1 menunjukkan pembinaan soal selidik kajian seperti di bahagian Appendix A .

Berdasarkan kepada item-item soal selidik sebanyak 68 item telah dijadikan sebagai soalan iaitu melibatkan 59 item soalan bagi pemboleh ubah tidak bersandar dan 9 item soalan bagi pemboleh ubah bersandar.

Selepas borang soal selidik siap dibina, ujian kesahan muka (*face validity*) dilakukan melibatkan tiga orang pakar yang masing-masing mempunyai kepakaran dalam bidang Syariah Islam (Prof. Madya Dr. Jasni Sulong), Pengurusan dan Perancangan Pembinaan Premis (Prof. Madya Dr. Kausar Hj Ali) serta Pemasaran dan Peruncitan (Prof Dr. Maznah Wan Omar). Tujuan ujian tersebut dilakukan bagi mendapat pandangan pakar berkaitan soal selidik agar ujian yang dilakukan pada peringkat seterusnya adalah sempurna dan tidak wujud item soalan mempunyai kesahan kandungan yang tinggi serta menguatkan lagi item-item yang akan diuji (Mohd Majid Konting, 1990; Fauzi Hussin, Jamal Ali dan Mohd Shoifoul Zamzuri Noor, 2014).

ANALISIS DATA

Selepas borang soal selidik dikumpulkan iaitu sebanyak 40 borang soal selidik. Ujian kesahan dan kebolehpercayaan data dilakukan dengan menggunakan nilai *alpha cronbach*. Menurut Sekaran, (1992:138); McMillan dan Schumacher, (2006) nilai *alpha cronbach* perlulah melebihi 0.60 bagi setiap pemboleh ubah, manakala nilai muatan faktor (*loading factor*) yang kurang daripada 0.5 akan digugurkan (Hair, Hult, Ringle & Sarstedt, 2014). Jadual 1.2 menunjukkan ujian kesahan dan kebolehpercayaan data.

Jadual 1.2: Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan

Pemboleh ubah	Item	Kesahan	Kebolehpercayaan
		Koef. Korelasi	Alpha Cronbach
Kewangan	Kw4	0.607	0.601
	Kw5	0.545	
	Kw6	0.592	
	Kw7	0.508	
Kesedaran	Ksr3	0.618	0.727
	Ksr4	0.637	
	Ksr5	0.669	
Pergantungan	Pgtn3	0.624	0.758
	Pgtn6	0.759	
	Pgtn7	0.586	
Hutang	Htg1	0.530	0.699
	Htg2	0.636	
	Htg3	0.682	
	Htg4	0.669	
	Htg5	0.691	
Kepenggunaan	Kpgn1	0.615	0.722
	Kpgn2	0.786	
	Kpgn3	0.629	
	Kpgn4	0.664	
	Kpgn5	0.661	
Pengurusan	Psn1	0.613	0.726
	Psn2	0.593	
	Psn5	0.636	
	Psn6	0.756	
Keutamaan	Ktm1	0.862	0.908
	Ktm2	0.871	
	Ktm3	0.871	
	Ktm4	0.902	
	Ktm5	0.919	
Kepatuhan Agama	Kgm1	0.785	0.796
	Kgm2	0.778	
	Kgm3	0.791	
	Kgm4	0.779	
	Kgm5	0.801	
	Kgm6	0.797	
	Kgm7	0.766	
	Kgm8	0.766	
	Kgm9	0.782	
	Kgm10	0.778	
	Kgm11	0.778	
	Kgm12	0.805	
	Kgm13	0.778	
KPS	Kps1	0.727	0.780
	Kps2	0.748	
	Kps3	0.754	
	Kps5	0.705	
	Kps6	0.799	
	Kps8	0.769	
	Kps9	0.742	

(Sumber: Dipetik daripada analisis data menggunakan perisian Smart PLS 3.2.7 pada 3 Mac 2020)

Nilai *alpha cronbach* bagi faktor kewangan $0.601 > 0.60$, faktor kesedaran $0.727 > 0.60$, faktor pergantungan $0.758 > 0.60$, faktor hutang $0.699 > 0.60$, faktor kepenggunaan $0.722 > 0.60$, faktor pengurusan $0.726 > 0.60$, faktor

keutamaan 0.908>0.60, faktor kepatuhan agama 0.796>0.60 dan faktor KPS 0.780>0.60. Nilai *alpha cronbach* untuk kesemua pemboleh ubah melebihi 0.60, ia menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya nilai *alpha cronbach* setiap pemboleh ubah melebihi 0.60 (Sekaran, dan Bougie, 2013).

Ujian seterusnya ialah memastikan jumlah sampel kajian iaitu 40 borang soal selidik dapat memenuhi ujian berikutnya. Oleh itu, ujian *Kaiser Meyer Olkin* (KMO) dilakukan agar jumlah data sebanyak 40 dapat memenuhi bagi ujian seterusnya. Nilai KMO perlulah melebihi 0.50 (Williams, Onsmann dan Brown, 2010). Selain itu, ujian *Bartlett's Test of Sphericity* dilakukan bagi melihat jumlah pemboleh ubah yang bersesuaian untuk ujian seterusnya. Nilai *Bartlett's Test of Sphericity* perlulah kurang daripada 0.05 iaitu ($p=0.000$) (Chua, 2009; Hair et al, 2014). Jadual 1.3 menunjukkan ujian KMO terhadap setiap pemboleh ubah.

Jadual 1.3: Ujian KMO terhadap pemboleh ubah

Bil	Pemboleh ubah	KMO	Chi-Square	df	Sig
1	Kewangan (KW)	0.556	12.275	6	0.000
2	Kesedaran (KSR)	0.684	24.484	3	0.000
3	Pergantungan (PTGN)	0.698	33.102	3	0.000
4	Hutang (HTG)	0.568	87.228	3	0.000
5	Kepenggunaan (KPGN)	0.570	106.979	10	0.000
6	Pengurusan (PSN)	0.745	34.712	6	0.000
7	Keutamaan (KTM)	0.768	159.799	10	0.000
8	Keagamaan (AGM)	0.768	159.799	10	0.000
9	KPS	0.777	73.830	21	0.000

(Sumber: Dipetik daripada analisis data menggunakan perisian SPSS versi 22 pada 3 Mac 2020)

Setelah ujian KMO dilakukan, kesemua pemboleh ubah menunjukkan nilai KMO melebihi 0.50 dan nilai *Bartlett's Test of Sphericity* berada diparas signifikan iaitu nilai signifikan di bawah 0.05. Ujian tersebut menunjukkan nilai KW=0.556>0.50, KSR=0.684>0.05, PTGN=0.698>0.50, HTG=0.568>0.50, KPGN=0.570>0.50, PSN=0.745>0.50, KTM=0.768>0.50, AGM=0.768>0.50 dan KPS=0.777>0.50, manakala nilai *Bartlett's Test of Sphericity* menunjukkan semua pemboleh ubah berada pada nilai signifikan 0.000 iaitu kurang daripada nilai 0.05 iaitu ($p=0.000$). Hal ini menunjukkan bahawa jumlah soal selidik sebanyak 40 dapat memenuhi kesemua pemboleh ubah untuk ujian yang berikutnya.

Selain itu, ujian *varimax orthogonal rotation* dilakukan bertujuan memastikan jumlah pemboleh ubah dalam kajian ini memenuhi syarat untuk ujian seterusnya. Nilai bagi ujian *varimax orthogonal rotation* perlulah melebihi daripada 1 dan nilai *cumulative* perlu melebihi 50 peratus (Leech, Barret, & Morgan, 2005). Jadual 1.4 menunjukkan ujian tersebut.

Jadual 1.4: Ujian Varimax Orthogonal Rotation

Bi l	Faktor	Item	Initial Eigenvalues			Extraction Sums of Squared Loadings		
			Total	% of Variance	Cumulative %	Total	% of Variance	Cumulative %
1	Kewangan	1	1.149	28.730	28.730	1.149	28.730	28.730
		2	1.015	25.369	54.100	1.015	25.369	54.100
		3	.976	24.391	78.491			
		4	.860	21.509	100.000			
2	Kesedaran	1	1.972	65.741	65.741	1.972	65.741	65.741
		2	.555	18.499	84.241			
		3	.473	15.759	100.000			
3	Pergantungan	1	2.110	70.325	70.325	2.110	70.325	70.325
		2	.505	16.843	87.168			
		3	.385	12.832	100.000			
4	Kepenggunaan	1	2.566	51.318	51.318	2.566	51.318	51.318
		2	1.153	23.059	74.377	1.153	23.059	74.377
		3	.931	18.615	92.992			
		4	.282	5.632	98.624			
		5	.069	1.376	100.000			
5	Hutang	1	2.321	46.419	46.419	2.321	46.419	46.419
		2	1.148	22.951	63.370	1.148	22.951	69.370
		3	.732	14.644	84.014			
		4	.460	9.206	93.221			
		5	.339	6.779	100.000			
6	Pengurusan	1	2.284	57.089	57.089	2.284	57.089	57.089
		2	.765	19.135	76.224			
		3	.532	13.294	89.518			
		4	.419	10.482	100.000			

7	Keutamaan	1	3.702	74.045	74.045	3.702	74.045	74.045
		2	.552	11.032	85.078			
		3	.520	10.394	95.472			
		4	.145	2.893	98.365			
		5	.082	1.635	100.000			
8	Kepatuhan agama	1	7.111	54.699	54.699	7.111	54.699	54.699
		2	1.308	10.063	64.762	1.308	10.063	64.762
		3	1.025	7.884	72.646	1.025	7.884	72.646
		4	.805	6.194	78.840			
		5	.618	4.753	83.593			
		6	.523	4.022	87.615			
		7	.414	3.182	90.797			
		8	.299	2.300	93.097			
		9	.273	2.097	95.194			
		10	.203	1.559	96.753			
		11	.181	1.394	98.147			
		12	.145	1.114	99.261			
		13	.096	.739	100.000			
9	KPS	1	3.117	44.530	44.530	3.117	44.530	44.530
		2	1.050	15.006	59.536	1.050	15.006	59.536
		3	.948	13.537	73.073			
		4	.714	10.203	83.276			
		5	.461	6.584	89.859			
		6	.390	5.566	95.426			
		7	.320	4.574	100.000			

(Sumber: Dipetik daripada analisis data menggunakan perisian SPSS versi 22 pada 3 Mac 2020)

Hasil ujian tersebut mendapati nilai bagi kesemua pemboleh ubah melebihi nilai minimum iaitu 1 dan nilai *cumulative* melebihi 50 peratus. Nilai tersebut KW(1.015>1.000, 54.10%>50.00%), KSR(1.972>1.000, 65.741%>50.00%), PTGN(2.110>1.000, 70.325%>50.00%), KPGN(1.153>1.000, 74.377%>50.00%), HTG(1.148>1.000, 69.370%>50.00%), PSN(2.284>1.000, 57.089%>50.00%), KTM(3.702>1.000, 74.045%>50.00%), AGM(1.025>1.000, 72.646%>50.00%) dan KPS(1.050>1.000, 59.536%>50.00%). Oleh itu, berdasarkan ujian tersebut, jumlah pemboleh ubah iaitu lapan pemboleh ubah tidak bersandar dan satu pemboleh ubah bersandar adalah memenuhi untuk ujian seterusnya.

Kemudian, ujian *multikolineariti* dan muatan faktor dilakukan terhadap item-item soal selidik dengan menggunakan nilai VIF dan *factor loading test* sebagai ukuran. Nilai VIF perlulah tidak melebihi 10 kerana nilai yang kurang daripada 10 tidak mengalami masalah *multikolineariti* yang serius, sebaliknya jika nilai VIF melebihi 10 item tersebut akan digugurkan, manakala ujian *factor loading test* perlu melebihi 0.50 dan ke atas (Hair, Sarstedt, Pieper, & Ringle, 2012). Jadual 1.5 menunjukkan hasil ujian *multikolineariti* dengan menggunakan nilai VIF.

Jadual 1.5: Ujian Multikolineariti

Bil	PEMBOLEH UBAH BERSANDAR	VIF SEBELUM PEMBAIKAN	Factor Loading Test (item yang digugurkan)	STATUS	
1	Kecenderungan Pembayaran Sewaan (KPS)			Tidak wujud multikolineariti pada inner dan outer model. <u>Item yang tinggal</u> Kps1, Kps2, Kps3, Kps5, Kps9.	
		Kps1	2.568		Kps6 (0.168)
		Kps2	1.718		Kps8 (0.484)
		Kps3	1.613		
		Kps5	2.641		
		Kps6	1.102		
		Kps8	1.656		
		Kps9	1.789		
		1	Kewangan (KW)		
Kw4	1.287			Kw4 (0.086)	
Kw5	1.414				
Kw6	1.469				
Kw7	1.663				
2	Kesedaran (KSR)			Tidak wujud multikolineariti pada inner dan outer model.	
		Ksr3	1.629		Ksr5 (0.302)
		Ksr4	1.477		

	Ksr5	1.477		<u>Item yang tinggal</u> Ksr3, Ksr4
3	Pergantungan (PGTN)			Tidak wujud multikolineariti pada inner dan outer model.
	Pgtn3	2.488		
	Pgtn6	1.845		
	Pgtn7	2.104		<u>Item yang tinggal</u> Ptgn3, Ptgn6, Ptgn7
4	Hutang (HTG)			Tidak wujud multikolineariti pada inner dan outer model.
	Htg1	1.450		
	Htg2	3.511	Htg2 (0.105)	
	Htg3	1.765	Htg4 (0.494)	
	Htg4	2.006	Htg5 (0.074)	<u>Item yang tinggal</u> Htg1, Htg3
	Htg5	2.655		
5	Kepenggunaan (KPGN)			Wujud multikolineariti yang serius pada inner dan outer model Kpgn1 dan Kpgn3.
	Kpgn1	7.685	Kpgn2 (0.384)	
	Kpgn2	1.146		
	Kpgn3	7.430		
	Kpgn4	2.153		
	Kpgn5	2.002		<u>Item yang tinggal</u> Kpgn1, Kpgn3, Kpgn4, Kpgn5
6	Pengurusan (PSN)			Tidak wujud multikolineariti pada inner dan outer model.
	Psn1	2.192	Psn5 (0.152)	
	Psn2	1.749		
	Psn5	1.585		
	Psn6	1.234		<u>Item yang tinggal</u> Psn1, Psn2, Psn6
7	Keutamaan (KTM)			Tidak wujud multikolineariti yang serius pada inner dan outer model
	Ktm1	7.722		
	Ktm2	6.035		
	Ktm3	4.678		
	Ktm4	2.687		
	Ktm5	2.032		<u>Item yang tinggal</u> Ktm1, Ktm2, Ktm3, Ktm4, Ktm5
8	Kepatuhan agama (KGM)			Tidak wujud multikolineariti pada inner dan outer model
	Kgm1	2.068	Kgm1 (0.449)	
	Kgm2	4.145	Kgm2 (0.429)	
	Kgm3	1.190	Kgm3 (0.291)	
	Kgm4	1.953	Kgm4 (0.402)	<u>Item yang tinggal</u> Kgm5, Kgm6, Kgm7
	Kgm5	2.106	Kgm8 (0.475)	
	Kgm6	1.985	Kgm9 (0.374)	
	Kgm7	1.813	Kgm10 (0.327)	
	Kgm8	1.854	Kgm11 (0.429)	
	Kgm9	1.953	Kgm12 (0.465)	
	Kgm10	2.604	Kgm13 (0.415)	
	Kgm11	1.026		
	Kgm12	1.141		
	Kgm13	1.006		

(Sumber: Dipetik daripada analisis data menggunakan perisian SPSS versi 22 pada 3 Mac 2020)

Berdasarkan kepada ujian VIF dan ujian muatan faktor (*factor loading test*), daripada 49 item hanya 30 item yang melepasi ujian VIF dan ujian *factor loading test* iaitu item-item tersebut KPS=Kps1, Kps2, Kps3, Kps5, Kps9; KW= Kw5, Kw6, Kw7; KSR=Ksr3, Ksr4; PTGN= Ptgn3, Ptgn6, Ptgn7; HTG= Htg1, Htg3; KPGN= Kpgn1, Kpgn3, Kpgn4, Kpgn5; PSN=Psn1, Psn2, Psn6; KTM= Ktm1, Ktm2, Ktm3, Ktm4, Ktm5; KGM= Kgm5, Kgm6, Kgm7. Item-item ini akan diuji pada ujian seterusnya iaitu melibatkan pembentukan model hubungan secara langsung akan melibatkan lapan pemboleh ubah tidak bersandar dan satu pemboleh ubah bersandar dengan menggunakan persamaan seperti berikut:

$$KPS = \beta_0 + \beta_1 KSR + \beta_2 KGM + \beta_3 KW + \beta_4 PGTN + \beta_5 KPGN + \beta_6 KTM + \beta_7 HTG + \beta_8 PSN + \varepsilon$$

β : Koefisien terangan

ε : Residual

ANALISIS HUBUNGAN SECARA LANGSUNG

Ujian ini akan melihat kepada nilai faktor pembebanan (CV), *alpha cronbach* (α), CR, AVE, R^2 , β , nilai p, dan nilai t. Jadual 1.5 menunjukkan nilai-nilai ujian tersebut. Jadual 1.6 menunjukkan ujian faktor analisis terhadap faktor pembayaran dan KPS dengan melibatkan nilai CV, *alpha cronbach*, CR, AVE, R^2 , β , nilai p dan nilai t.

Jadual 1.6: Ujian Faktor Analisis

BIL	FAKTOR	ITEM	(CV)	α	CR	AVE	R^2	β	Nilai p	Nilai t
1	KPS	Kps1	0.824	0.804	0.863	0.560	0.839			
		Kps2	0.639							
		Kps3	0.747							
		Kps5	0.855							
		Kps9	0.652							
2	KW	Kw5	0.657	0.554	0.772	0.531		0.286	0.012	2.520*
		Kw6	0.732							
		Kw7	0.791							
3	KSR	Ksr3	0.751	0.683	0.847	0.737		-0.006	0.950	0.062
		Ksr4	0.954							
4	PGTN	Pgtn3	0.924	0.789	0.855	0.668		0.212	0.036	2.107*
		Pgtn6	0.648							
		Pgtn7	0.863							
5	HTG	Htg1	0.920	0.698	0.865	0.762		-0.005	0.954	0.058
		Htg3	0.823							
6	KPGN	Kpgn1	0.874	0.794	0.866	0.621		0.196	0.228	1.208
		Kpgn2	0.877							
		Kpgn4	0.742							
		Kpgn5	0.635							
7	PSN	Psn1	0.590	0.677	0.772	0.539		0.166	0.159	1.411
		Psn2	0.666							
		Psn6	0.908							
8	KTM	Ktm1	0.932	0.910	0.934	0.740		0.407	0.002	3.061*
		Ktm2	0.912							
		Ktm3	0.895							
		Ktm4	0.793							
		Ktm5	0.756							
9	KGM	Kgm5	0.883	0.789	0.877	0.703		0.056	0.509	0.662
		Kgm6	0.832							
		Kgm7	0.799							


(Sumber: Dipetik daripada analisis data menggunakan perisian Smart PLS 3.2.7 pada 3 Mac 2020)

Hasil ujian mendapati nilai *alpha cronbach*, CR dan AVE terhadap pada faktor KPS ($0.804 > 0.5$, $CR=0.863 > 0.7$, $AVE=0.560 > 0.50$), faktor kewangan ($0.554 > 0.5$, $CR=0.772 > 0.70$, $AVE=0.531 > 0.50$), faktor kesedaran ($0.683 > 0.50$, $CR=0.847 > 0.70$, $AVE=0.737 > 0.50$), faktor pergantungan ($0.789 > 0.50$, $CR=0.855 > 0.70$, $AVE=0.668 > 0.50$), faktor hutang ($0.698 > 0.50$, $CR=0.865 > 0.70$, $AVE=0.762 > 0.50$), faktor kepenggunaan ($0.794 > 0.50$, $CR=0.866 > 0.70$, $AVE=0.621 > 0.50$), faktor pengurusan ($0.677 > 0.50$, $CR=0.772 > 0.70$, $AVE=0.539 > 0.50$), faktor keutamaan ($0.910 > 0.50$, $CR=0.934 > 0.70$, $AVE=0.740 > 0.50$) dan faktor kepatuhan agama ($0.789 > 0.50$, $CR=0.877 > 0.70$, $AVE=0.703 > 0.50$) dan nilai R^2 ialah 0.839.

Selain itu, hubungan secara langsung faktor-faktor pembayaran terhadap KPS iaitu melibatkan nilai koefisien teranggar (β) nilai p dan nilai t mendapati faktor KW ($\beta=0.286$, $p=0.012$, $t=2.520$), KSR ($\beta=-0.006$, $p=0.950$, $t=0.062$), PTGN ($\beta=0.212$, $p=0.036$, $t=2.107$), HTG ($\beta=-0.005$, $p=0.954$, $t=0.058$), KPGN ($\beta=0.196$, $p=0.228$, $t=1.208$), PSN ($\beta=0.166$, $p=0.159$, $t=1.411$), KTM ($\beta=0.407$, $p=0.002$, $t=3.061$), KGM ($\beta=0.056$, $p=0.509$, $t=0.662$). Berdasarkan kepada hasil ujian terhadap hubungan KPS secara langsung, tiga faktor mempengaruhi KPS secara langsung iaitu faktor kewangan (KW), faktor pergantungan (PTGN) dan faktor keutamaan (KTM). Hal ini bertepatan dengan kajian oleh Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor dan Mohammed Rizki Moi (2015); Charon Wardina Mokhzani (2016) yang menyatakan faktor keutamaan merupakan penentu utama seseorang menjelaskan

pembayaran pada tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu faktor kewangan juga mempengaruhi pembayaran. Hal ini dibuktikan kajian oleh Mohd Suberi Ab. Halim (2012); Mohamad Fazli Sabri, Juen, Mohd Amin Othman dan Husniyah Abdul Rahim (2015) yang mendapati faktor kewangan merupakan pengaruh terpenting terhadap pembayaran, kedudukan kewangan yang kukuh mampu memberi jaminan terhadap pembayaran yang baik. Selain itu, faktor pergantungan juga mempengaruhi pembayaran. Hal ini disokong kajian oleh Salbiah Mokhtar (2002); Buerah Tunggak dan Hussin Salamon (2014) yang menyatakan pergantungan juga dikaitkan dengan amalan pembayaran yang baik khususnya pembayaran yang melibatkan kepentingan individu tersebut. Rajah 1.1 menunjukkan hubungan secara langsung faktor pembayaran terhadap KPS.

Rajah 1.1: Hubungan secara langsung faktor pembayaran terhadap KPS



(Sumber: Dipetik daripada analisis data menggunakan perisian Smart PLS 3.2.7 pada 3 Mac 2020)

Hubungan Secara Tidak Langsung

Analisis setiap faktor dengan menggunakan hubungan secara tidak langsung akan menggunakan pemboleh ubah mediator sebagai ujian. Hal ini telah dinyatakan oleh kajian-kajian terdahulu berkaitan peranan mediator faktor kewangan yang mempengaruhi pembayaran (Baron & Kenny, 1986; Mindra & Moya, 2017; Rothwell, Mohammad & Cherney, 2016; Mohamad Fazli Sabri, Juen et.al, 2015). Ujian pada peringkat hubungan secara tidak langsung akan menggunakan persamaan seperti berikut:

$$KPS = \beta_0 + \beta_1 KSR * KW + \beta_2 KGM * KW + \beta_3 PGTN * KW + \beta_4 KPGN * KW + \beta_5 KTM * KW + \beta_6 HTG * KW + \beta_7 PSN * KW + \epsilon$$

β : Koefisien teranggar

*KW: Peranan mediator faktor kewangan

Oleh sebab itu, pemilihan faktor kewangan sebagai mediator adalah berdasarkan kepada kajian-kajian sebelumnya yang menyatakan impak terhadap mediator adalah signifikan terhadap faktor pembayaran. Jadual 1.7 menunjukkan analisis hubungan secara tidak langsung faktor pembayaran terhadap KPS.

Jadual 1.7: Ujian hubungan secara tidak langsung mediator terhadap KPS

Pemboleh Ubah Laten	Koefisien Teranggar (β)	Nilai p	Nilai t	Hipotesis	Sig*
HTG – KW – KPS	-0.152	0.375	0.888	Tolak	
KA – KW – KPS	-0.214	0.146	1.457	Tolak	
KPGN - KW – KPS	0.709	0.001	3.195	Sokong	*
KSR – KW – KPS	0.306	0.050	1.962	Sokong	*
KTM – KW – KPS	0.239	0.240	1.176	Tolak	
KW- KPS	0.767	0.000	8.452	Sokong	*
PSN – KW – KPS	0.212	0.258	1.133	Tolak	
PGTN – KW – KPS	0.111	0.434	0.782	Tolak	

Berdasarkan kepada Rajah 1.7 setelah melalui ujian faktor kewangan sebagai mediator. Dua faktor yang signifikan terhadap mediator faktor kewangan iaitu faktor kepenggunaan ($p=0.001$, $t=3.195$) dan faktor kesedaran ($p=0.050$, $t=1.962$), manakala hubungan mediator terhadap KPS ($p=0.000$, $t=8.452$). Hal ini membuktikan pengaruh faktor kepenggunaan terhadap penentu kewangan mempengaruhi pengguna untuk membayar (Mohd Anuar Awang Idris dan Nora Yusma Mohamed Yusop, 2009; Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunizam Wahid, 2011; Minton, 2015) serta faktor kesedaran terhadap penentu kewangan juga mempengaruhi corak pembayaran pengguna untuk menjelaskan pembayaran (Nor Aini Salleh, 2011; Sharifah Zubaidah Syed Abd Kader, Nor Asiah, et.al, 2012; Markotivch, Netzer & Tamir, 2017).

Oleh itu, faktor kepenggunaan dan kesedaran akan dihubungkan dengan mediator terhadap KPS. Hal ini bertujuan bagi mewujudkan persamaan dengan mewujudkan satu model KPS dengan menggabungkan model hubungan secara langsung dan model hubungan secara tidak langsung. Hasil daripada gabungan model tersebut akan menentukan kekuatan model KPS dengan melihat kepada nilai q.

ANALISIS MODEL KPS

Dua faktor yang signifikan terhadap mediator iaitu faktor kepenggunaan dan faktor kesedaran setelah melalui ujian hubungan secara tidak langsung. Seterusnya model KPS akan dibentuk dengan menggabungkan hubungan secara langsung dan hubungan secara tidak langsung. Jadual 1.8 dan 1.9 menunjukkan nilai *alfa cronbach*, CR, AVE, R², koefisien teranggar (β), nilai p dan nilai t.

Jadual 1.8: Hasil ujian model KPS terhadap nilai *alfa cronbach*, CR, AVE, R²

BIL	FAKTOR	ALPHA CRONBACH (α)	CR	AVE	R ²
1	KPS	0.804	0.863	0.560	0.833
2	KW	0.554	0.773	0.534	
3	KSR	0.683	0.851	0.742	
4	PGTN	0.789	0.855	0.668	
5	HTG	0.698	0.865	0.763	
6	KPGN	0.794	0.860	0.615	
7	PSN	0.677	0.771	0.537	
8	KTM	0.910	0.934	0.740	
9	KGM	0.789	0.877	0.704	

Jadual 1.8 menunjukkan nilai kesemua faktor memenuhi tahap minimum kajian iaitu nilai α melebihi 0.50, CR melebihi 0.70 dan AVE melebihi 0.50. KPS ($\alpha=0.804$, CR=0.863, AVE=0.560), KW ($\alpha=0.554$, CR=0.773, AVE=0.534), KSR ($\alpha=0.683$, CR=0.851, AVE=0.742), PGTN ($\alpha=0.789$, CR=0.855, AVE=0.668), HTG ($\alpha=0.698$, CR=0.865, AVE=0.763), KPGN ($\alpha=0.794$, CR=0.860, AVE=0.615), PSN ($\alpha=0.677$, CR=0.771, AVE=0.537), KTM ($\alpha=0.910$, CR=0.934, AVE=0.740), KGM ($\alpha=0.789$, CR=0.877, AVE=0.704). Nilai R² bagi model ialah 0.833.

Jadual 1.9: Hasil ujian Model KPS terhadap nilai koefisien teranggar, nilai p dan t

Pemboleh Ubah Laten	Koefisien Teranggar sebelum wujud mediator	Koefisien Teranggar selepas mediator	Nilai p	Nilai t	Hipotesis	Sig *
HTG – KPS	-0.005	0.036	0.686	0.404	Tolak	
KGM – KPS	0.056	0.102	0.201	1.281	Tolak	
KPGN - KPS	0.196	0.277	0.002	3.060	Sokong	*


KPGN – KW	0.000	0.753	0.000	4.952	Sokong	**
KSR - KPS	-0.006	0.118	0.022	2.299	Sokong	*
KSR – KW	0.000	0.321	0.017	2.396	Sokong	**
KTM - KPS	0.407	0.463	0.000	3.760	Sokong	*
KW- KPS	0.286	0.368	0.000	3.755	Sokong	**
PSN – KPS	0.166	0.173	0.066	1.841	Tolak	
PGTN– KPS	0.212	0.230	0.009	2.613	Sokong	**
KPGN–KW-KPS	0.000	0.277	0.002	3.060	Sokong	***
KSR – KK - KPS	0.000	0.118	0.022	2.299	Sokong	***

- * Hubungan secara langsung terhadap KPS
- ** Hubungan secara tidak langsung melalui mediator
- *** Hubungan secara tidak langsung mediator terhadap KPS

Jadual 1.9 menunjukkan nilai bagi p, nilai t dan bagi kesemua hubungan faktor pembayaran terhadap KPS. Hubungan secara langsung menunjukkan empat faktor mempengaruhi KPS iaitu KPGN* (p=0.002, t=3.060), KSR* (p=0.022, t=2.299), KTM* (p=0.000, t=3.760). Hubungan secara tidak langsung melalui mediator faktor kewangan melibatkan KPGN (p=0.000, t=4.952), KSR (p=0.017, t=2.396). Selain itu, hubungan secara tidak langsung mediator terhadap KPS ialah KPGN (p=0.002, t=3.060) dan KSR (p=0.022, t=2.299).

